Pendakwa Raya lwn Nasrun Effendi

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — SEMAKAN JENAYAH NO MT(3)45–3 TAHUN 2008
MOHD ZAWAWI PK
3 APRIL 2008

Kastam dan Eksais — Bidang kuasa — Perlucutanhak — Bot responden dilucuthakkan mengikut s 127(1) Akta Kastam 1967 — Permohonan di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah untuk bot dilepaskan dengan bon mahkamah — Sama ada s 115 Akta Kastam 1967 menyingkirkan budi bicara mahkamah yang diberikan di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah

Prosedur Jenayah — Bidang kuasa mahkamah — Functus officio — Responden mengaku bersalah dan telah dijatuhkan hukuman — Bot responden dilucuthakkan — Responden memfailkan permohonan pelbagai kepada mahkamah yang sama untuk perlepasan bot — Sama ada mahkamah telah pun functus officio

Prosedur Jenayah — Semakan — Bidang kuasa semakan di Mahkamah Tinggi — Prosedur memohon semakan

Ini adalah satu permohonan semakan di bawah Bab XXXI Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) ('KPJ') terhadap keputusan majistret Pontian, Johor, yang dibuat pada 23 November 2007. Responden telah mengaku bersalah terhadap satu pertuduhan gagal mematuhi peruntukan s 49(1) Akta Kastam 1967 ('Akta Kastam') dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM10,000 dan jika gagal bayar, dipenjara selama enam bulan. Mahkamah majistret juga telah memerintahkan supaya ekshibit-ekshibit, antara lain, sebuah bot 'KM SELAMAT', dilucuthakkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia menurut peruntukan s 127(1) Akta Kastam. Responden tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut dan merayu terhadap keseluruhan keputusan majistret tersebut ke Mahkamah Tinggi. Rayuan ini masih belum lagi didengar oleh Mahkamah Tinggi. Sementara itu, responden telah menfailkan satu permohonan pelbagai bertarikh 8 Oktober 2007 di hadapan Mahkamah Majistret, Pontian menurut s 407 KPJ, antara lain, memohon agar bot 'KM SELAMAT' dilepaskan dengan bon mahkamah. Pada 29 Oktober 2007, Mahkamah Majistret, Pontian telah mendengar permohonan tersebut dengan kehadiran kedua-dua pemohon dan responden serta melepaskan bot 'KM

SELAMAT' dengan bon tunai berdasarkan peruntukan di bawah s 407 KPJ. Walau bagaimanapun, amaun bon belum lagi ditetapkan kerana penilaian terhadap bot tersebut belum diperolehi. Pada 5 Disember 2007, pemohon telah membuat satu permohonan semakan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan pelepasan tersebut. Pemohon berhujah bahawa majistret telah khilaf apabila beliau membenarkan permohonan responden untuk melepaskan bot kerana majistret telah 'functus officio'. Pada 20 Februari 2008, majistret sendiri telah menulis surat kepada Mahkamah Tinggi memohon agar keputusan beliau tersebut disemak semula di bawah Bab XXXI KPJ.

Diputuskan, membenarkan permohonan:

(1) Tidak ada prosedur khusus yang ditetapkan berhubung dengan bagaimana sesuatu kes boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Tinggi untuk dibuat semakan. Prosedur yang lazim diikuti ialah apabila seseorang majistret atau hakim mahkamah sesyen akan menulis sendiri kepada Mahkamah Tinggi sekiranya beliau mempunyai keraguan tentang kebenaran, kesahihan atau kepatutan mana-mana penemuan, hukuman atau perintah yang telah dibuat. Ia juga boleh dibuat melalui satu permohonan semakan oleh mana-mana pihak kepada suatu kes. Sekiranya kes tersebut telah pun dikemukakan ke Mahkamah Tinggi sebagai satu rayuan, mahkamah juga boleh menggunakan kuasa-kuasa semakannya. Di atas fakta, permohonan untuk semakan telah dibuat oleh kedua-dua pemohon dan majistret. Oleh itu prosedur yang diikuti adalah teratur di sisi undang-undang (lihat perenggan 10).

(2) Apabila majistret telah menerima pengakuan bersalah responden dan menjatuhkan denda sebanyak RM10,000 serta memerintahkan ekshibit-ekshibit, termasuklah bot 'KM SELAMAT' dilucuthakkan di bawah s 127(1) Akta Kastam, beliau telah membuat satu keputusan yang muktamad (final decision) yang menentukan 'substantial right' pihak-pihak yang terlibat. Keputusan tersebut tidak boleh lagi dipinda, diubah atau dibuka kerana bidang kuasa untuk berbuat demikian telah berpindah kepada Mahkamah Rayuan. Tambahan pula, responden telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan yang telah dibuat itu, termasuklah perintah melucuthakkan bot 'KM SELAMAT' (lihat perenggan 18).

(3) Peruntukan s 127 Akta Kastam telah menentukan cara bagaimana sesuatu barang yang menjadi hal perkara pertuduhan bagi suatu kesalahan kastam boleh dilucuthakkan. Maka majistret tidak mempunyai pilihan tetapi mestilah mengikut cara yang ditentukan tersebut (lihat kes *Public Prosecutor v Yew Yong Kong* [1952] 1 LNS 91). Dalam hal ini, majistret telah bertindak dengan betul apabila beliau

telah membuat perintah perlucuthakkan, antara lain, terhadap bot 'KM SELAMAT' pada 1 Oktober 2007, di bawah s 127(1) Akta Kastam, setelah responden mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya dan selepas berpuas hati bahawa bot tersebut telah digunakan dalam melakukan kesalahan berkenaan (lihat perenggan 24).

(4) Pada pandangan mahkamah, apa-apa permohonan mengenai pelepasan bot 'KM SELAMAT' sementara menunggu keputusan rayuan sewajarnya dibuat oleh responden kepada Mahkamah Tinggi kerana apabila notis rayuan telah dikemukakan terhadap keputusan muktamad yang dibuat oleh majistret, melainkan terdapat beberapa pengecualian yang dibenarkan, rayuan itu telah menyingkirkan bidang kuasa beliau sebagai mahkamah bicara untuk bertindak lebih lanjut berhubung dengan perkara tersebut (lihat perenggan 29).

[English summary

This was an application for revision under Chapter XXXI of the Criminal Procedure Code (Act 593) ('CPC') against the decision of the magistrate in Pontian, Johor made on 23 November 2007. The respondent pleaded guilty to a charge of failing to comply with the provisions of s 49(1) of the Customs Act 1967 ('Customs Act') and was sentenced to a fine of RM10,000 in default six months' imprisonment. The magistrate court also ordered for the exhibits, inter alia, a boat 'KM SELAMAT', be forfeited to the Royal Customs Department of Malaysia pursuant to s 127(1) of the Customs Act. Dissatisfied with the said decision, the respondent appealed against the whole of the decision of the magistrate to the High Court. The appeal is still pending in the High Court. Meanwhile, the respondent had filed a miscellaneous application dated 8 October 2007, at the Magistrate Court, Pontian pursuant to s 407 of the CPC, amongst others, praying that the 'KM SELAMAT' boat be released on a court's bond. On 29 October 2007, the Pontian Magistrate Court heard the said application with the presence of both the applicant and the respondent and released the 'KM SELAMAT' boat with a cash bond based on the provision under s 407 of the CPC. However, the amount for the bond had yet to be fixed as the valuation on the said boat was yet to be obtained. On 5 December 2007, the applicant applied for a revision to the High Court against the decision for the release of the boat. The applicant submitted that the magistrate erred in releasing the boat as he was already functus officio. On 20 February 2008, the magistrate himself wrote to the High Court applying for his decision to be reviewed pursuant to Chapter XXXI of the CPC.

Held, allowing the application:

(1) There was no specific procedure fixed in relation to how a particular

A case shall be brought before the High Court for revision. The established procedure is that a magistrate or sessions court judge writes to the court if they have any doubt on the truth or validity of any findings, sentences or order made. It can also be made through an application for revision by any party to a case. If the said case is B presented to the High Court as an appeal, the court could exercise its power of revision. On the facts, the application for revision was made by both the applicant and the magistrate. Therefore the procedure that was followed was regular in law.(see para 10).

C (2) When the magistrate accepted the respondent's guilty plea and imposed a fine of RM10,000 and also ordered the exhibits, including the 'KM SELAMAT' boat to be forfeited pursuant to s 127(1) of the Customs Act, he had made a final decision which determined the substantial rights of the parties involved. The said decision could not be altered, D varied or opened as the jurisdiction to do so had been transferred to the Court of Appeal. Moreover the respondent had appealed against the decision made, including the order to forfeit the 'KM SELAMAT' boat (see para 18).

E (3) The provision of s 127 of the Customs Act regulates the manner in which a particular thing which formed the subject matter of a charge for a particular custom offence can be forfeited. Therefore the magistrate had no other choice but to follow that particular manner which had been fixed (see *Public Prosecutor v Yew Yong Kong* [1953] MLJ 15). In F the circumstances, the magistrate had acted properly when he ordered the forfeiture, among other things, the 'KM SELAMAT' boat on 1 October 2007, pursuant to s 127(1) of the Customs Act when the respondent pleaded guilty on the charge put before him and after being satisfied that the said boat was used to commit the said offence (see para G 24).

(4) In the court's view, any application for the release of the 'KM SELAMAT' boat pending the decision of the appeal should properly be made by the respondent to the High Court when the notice of appeal H was presented against the final decision of the magistrate, unless there were a few exceptions which were allowed, the appeal had ousted his jurisdiction as the trial court to act further in relation to the matter (see para 29).]

I **Nota-nota**

Untuk kes mengenai bidang kuasa di Mahkamah Tinggi, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3191.

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa secara umum, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 136–138.

Untuk kes mengenai functus officio, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2299.

Cases referred to

Chandler v Alberta Associations of Architects [1989] 2 SCR 848 (dirujuk)
Cheak Yoke Thong v PP [1984] 1 MLJ 311; [1984] 1 LNS 29 (dirujuk)
Duning Jubin v PP [1997] 5 CLJ 170 (dirujuk)
Habee Bur Rahman v PP [1971] 2 MLJ 194 (dirujuk)
Hari Ram Seghal v PP [1981] 1 MLJ 165 (dirujuk)
Indran & Anor v PP [1985] 1 MLJ 326; [1985] 1 LNS 52 (dirujuk)
Jamaluddin b Khadiron v PP [2004] 7 MLJ 280 (dirujuk)
Keng Soon Finance Bhd v Pegawai Kastam Johor Bahru [1981] 2 MLJ 249 (dirujuk)
Maleb bin Su v PP [1984] 1 MLJ 311 (dirujuk)
Md Alwin Mustafa & Ors v PP [1999] 5 CLJ 417 (dirujuk)
Mohd Dalhar bin Redzwan & Anor v Datuk Bandar, DBKL [1995] 1 MLJ 645 (dirujuk)
MP Machinery (M) Sdn Bhd v PP [1996] 4 MLJ 213 (dirujuk)
Ooi Chin Seng v PP & Anor [1979] 1 MLJ 267 (dirujuk)
Ooi Sim Yim v PP [1990] 1 MLJ 88 (dirujuk)
PP v Chu Beow Hin [1982] 1 MLJ 135 (dirujuk)
PP v Heng You Nang [1949] MLJ 285 (dirujuk)
PP v Hing Chen Loong & Anor [2000] 6 MLJ 161 (dirujuk)
PP v Lau Siew Nguong & Anor [1994] 2 MLJ 91 (dirujuk)
PP v Ling Sing Kwong & Anor [1992] 1 MLJ 245 (dibeza)
PP v Muhari bin Mohd Jani & Anor [1996] 3 MLJ 116 (dirujuk)
PP v RK Menon & Anor [1978] 2 MLJ 152; [1997] 1 LNS 101 (diikut)
PP v Yew Yong Kong [1953] MLJ 15; [1952] 1 LNS 91 (dirujuk)
Saad bin Abas & Anor v PP [1999] 1 MLJ 129; [1998] 4 CLJ 575 (dirujuk)
Tan Guek Tian & Anor v Tan Kim Kiat @ Chua Kim Kiat (Part 2) [2007] 6 MLJ 260 (dirujuk)
VGM Holdings Ltd, Re [1941] 3 All ER 417 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kastam 1967 ss 49(1), 115, 127(1), 127(2)
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 31, 35
Akta Perikanan 1963 s 15(1)
Kanun Prosedur Jenayah Bab XXXI ss 278, 316, 407

Lailawati bt Ali (Jabatan Kastam Diraja Malaysia) bagi pihak pemohon.
KM Ong (KM Ong) bagi pihak responden.

Mohd Zawawi PK:

PERMOHONAN

[1] Ini adalah satu permohonan semakan di bawah Bab XXXI Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) terhadap keputusan Tuan Majistret Pontian, Johor, yang dibuat pada 23 November 2007.

FAKTA KES

[2] Responden telah dituduh di hadapan Mahkamah Majistret Pontian, Johor pada 1 Oktober 2007, dengan suatu pertuduhan seperti yang berikut:

> Bahawa kamu sebagai nakhoda pesawat tempatan 'KM Selamat' pada 20 September 2007, kira-kira jam 7.15 pagi, di Perairan Malaysia di kedudukan LAT 1' 298' Utara dan Longitud 103' 30' 20' Timur dalam daerah Pontian, di dalam Negeri Johor Darul Takzim terlibat dalam mengangkut barang dari kelas berduti semasa diimport atau dieksport di bawah Perintah Duti Kastam 1996, atau barang larangan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998 (PU (A) 210/98 iaitu terdiri dari:
>
> (1550 x 50 kg beg gula pasir)
>
> (1025 x 25 kg beg beras)
>
> 172 keping tilam
>
> 49 beg tin kosong,
>
> di dalam pesawat tersebut tanpa mendapat kebenaran Ketua Pengarah Kastam dengan itu kamu telah gagal untuk mematuhi peruntukan seksyen 49(1) Akta Kastam, 1967 dan dengan demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 138 Akta yang sama.

[3] Responden telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan di atas dan disabitkan. Responden telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM10,000 dan jika gagal bayar, dipenjara selama enam bulan. Mahkamah Majistret juga telah memerintahkan supaya ekshibit-ekshibit yang berikut, iaitu:

Eks P4	1550 x 50 kg beg gula pasir,
Eks P5	1025 x 25 kg beg beras,
Eks P6	172 keping tilam,
Eks P7	49 beg tin kosong, dan
Eks P8	sebuah bot 'KM SELAMAT ,

dilucuthakkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia menurut peruntukan s 127(1) Akta Kastam 1967. A

[4] Responden tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut. Oleh itu, melalui satu notis rayuan bertarikh 8 Oktober 2007, responden merayu terhadap keseluruhan keputusan majistret tersebut ke Mahkamah Tinggi. Rayuan ini masih belum lagi didengar oleh Mahkamah Tinggi. B

[5] Sementara itu, responden telah memfailkan satu Permohonan Pelbagai (No 89–1 Tahun 2007) bertarikh 8 Oktober 2007, di hadapan Mahkamah Majistret Pontian menurut s 407 Kanun Prosedur Jenayah. Dalam permohonan tersebut, responden, antara lain, memohon agar bot 'KM SELAMAT' dilepaskan dengan bon mahkamah. C

[6] Pada 29 Oktober 2007, Mahkamah Majistret, Pontian telah mendengar permohonan tersebut dengan kehadiran kedua-dua pemohon dan responden serta melepaskan bot 'KM SELAMAT' dengan bon tunai berdasarkan peruntukan di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah. Walau bagaimanapun, amaun bon belum lagi ditetapkan kerana penilaian terhadap bot tersebut belum diperolehi. D E

[7] Pada 5 Disember 2007, pemohon telah membuat satu permohonan semakan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan pelepasan tersebut. Pada 20 Februari 2008, tuan majistret sendiri telah menulis surat kepada Mahkamah Tinggi memohon agar keputusan beliau tersebut disemak semula di bawah Bab XXXI Kanun Prosedur Jenayah. F

KUASA MAHKAMAH TINGGI UNTUK MEMBUAT SEMAKAN JENAYAH G

[8] Prosedur semakan diperuntukkan dalam ss 31 dan 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Bab XXXI Kanun Prosedur Jenayah. Tujuan peruntukan-peruntukan ini telah dinyatakan oleh Hakim Wan Yahya (sebagaimana beliau ketika itu) dalam kes *Hari Ram Seghal v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 165 seperti yang berikut: H

> The object of these provisions is to correct any miscarriage of justice arising not only from error in judgment and procedure but from neglect or indolence on the part of those in authority and resulting in undeserved hardship on any individual affected by such judgment, neglect or indolence. I
>
> Any mistake or flaw in that machinery, which may have the possibility of injustice, must be resolved in their favour.

[9] Prosedur bagaimana sesuatu semakan perlu dilaksanakan telah dijelaskan oleh Hakim KC Vohrah (sebagaimana beliau ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116 seperti yang berikut:

> Under s 31 of the Courts of Judicature Act 1964 ('the CJA'), the High Court may exercise powers of revision in respect of criminal proceedings and matters in subordinate courts in accordance with any law for the time being in force relating to criminal procedure. The CPC is the law for the time being in force. In the CPC, Chapter XXXI, ss 323–327 relate to revision. It has to be pointed out that there are another three provisions — ss 35, 36 and 37 of the CJA — relating to revision, with s 35 giving general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate courts in any criminal or civil matter or proceedings.
>
> Having set out the statutory provisions, it behoves the court to examine the relevant case law. In *Public Prosecutor v Kulasingam* [1974] 2 MLJ 26, Hashim Yeop A Sani J (as he then was) stated the essence of what the High Court should have in mind when considering a revision (at the same page): The powers of the High Court in revision are amply provided under s 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-ss (ii) and (iii) thereof. The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of 'paternal or supervisory jurisdiction' in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower court should be interfered with in the interest of justice'. The (then) Supreme Court in *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69 referred to Buhagiar J's reliance (in *Re Soo Leot*) on what Jenkins CJ had stated in *R v Lachiram* relating to judicial discretion. The Supreme Court at p 71 clearly approved the concept 'that the powers of the High Court in revision are exercisable at the discretion of the court and that discretion is untrammeled and free, so as to be fairly exercised according to the exigencies of each case'.
>
> Coming back to the observation of the Supreme Court, the observation has also to be understood in the context of an extant statutory provision, s 325 of the CPC. Pursuant to his revisionary powers, the judge may — as provided for in s 325(i) of the CPC — exercise any of the powers conferred by ss 311, 315, 316 and 317 of the CPC. Under s 316 the judge may, inter alia: 'alter the finding, maintaining the sentence, or with or without altering the finding reduce or enhance the sentence or alter the nature of the sentence.'
>
> An application of the latter limb of this provision is seen in the oft quoted case of *Cunbidya & Ors v Emperor*… where the judicial committee of the Privy Council refused to grant leave to appeal to four petitioners who had had their sentences of transportation for life imposed on a conviction of murder by a divisional sessions judge revised by the High Court to that of death.

[10] Nampaknya tidak ada prosedur khusus yang ditetapkan berhubung dengan bagaimana sesuatu kes boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Tinggi untuk dibuat semakan. Prosedur yang lazim diikuti ialah apabila seseorang

majistret atau hakim mahkamah sesyen akan menulis sendiri kepada Mahkamah Tinggi sekiranya beliau mempunyai keraguan tentang kebenaran, kesahihan atau kepatutan mana-mana penemuan, hukuman atau perintah yang telah dibuat. la juga boleh dibuat melalui satu permohonan semakan oleh mana-mana pihak kepada suatu kes. Sekiranya kes tersebut telah pun dikemukakan ke Mahkamah Tinggi sebagai satu rayuan, mahkamah juga boleh menggunakan kuasa-kuasa semakannya. Dalam hubungan ini, Hakim KC Vohrah berkata dalam kes *Public Prosecutor v Muhari bin Mohd Jani & Anor*:

> There are many ways in which the attention of the High Court judge may be drawn to case where decisions made in the subordinate courts may have to be revised; through newspaper reports of cases, through letters by members of the public or by aggrieved parties or by their relatives, through requests by magistrates or judges of the Sessions Court for revision of the decisions they had made; and through formal applications like the one filed by the brother of the deceased [in the case before His Lordship].

(Lihat juga kes-kes *Public Prosecutor v Hing Chen Loong & Anor* [2006] 6 MLJ 161,; *Jamaluddin b Khadiron v Public Prosecutor* [2004] 7 MLJ 280, *Mohd Dalhar bin Redzwan & Anor v Datuk Bandar, DBK* [1995] 1 MLJ 645).

[11] Di dalam kes ini, permohonan untuk semakan telah dibuat oleh kedua-dua pemohon dan tuan majistret sendiri. Oleh itu, prosedur yang diikuti adalah teratur di sisi undang-undang.

HUJAH PEMOHON

[12] Cik Lailawati binti Ali, timbalan pendakwa raya terpelajar yang mewakili pemohon berhujah bahawa tuan majistret telah khilaf apabila beliau membenarkan permohonan responden melalui permohonan pelbagai untuk melepaskan bot 'KM SELAMAT' dengan bon kerana tuan majistret itu telah 'functus officio'.

Mengikut timbalan pendakwa raya terpelajar lagi, apabila pertuduhan yang dihadapkan kepadanya telah dibaca dan diterangkan, responden telah mengaku bersalah selepas memahami bentuk, jenis dan implikasi pertuduhan tersebut. Hukuman telah dijatuhkan ke atasnya dan seterusnya satu perintah perlucuthakkan dibuat terhadap ekshibit-ekshibit yang dikemukakan di mahkamah, termasuklah 'KM SELAMAT'. Responden juga telah membayar denda yang dijatuhkan oleh mahkamah. Dengan demikian, satu keputusan atau perintah muktamad ('final order') yang menentukan kedudukan/hak pihak-pihak yang terlibat telah dibuat. Keputusan muktamad itu ialah satu keputusan yang boleh dirayukan. Responden sendiri telah, pada 8 Oktober 2007, memfailkan rayuan terhadap keseluruhan

keputusan tersebut. Ini juga menunjukkan bahawa responden mengakui bahawa perintah mahkamah majistret pada 10 Februari 2007 tersebut adalah sebenarnya satu perintah yang muktamad. Oleh itu, tindakan tuan majistret mendengar permohonan pelbagai yang dikemukakan oleh responden dan melepaskan bot 'KM SELAMAT' dengan bon mahkamah adalah tidak teratur di segi undang-undang.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[13] Berdasarkan kepada fakta dan keadaan yang diwujudkan dalam kes ini, isu tunggal yang perlu diputuskan oleh mahkamah dalam semakan ini ialah sama ada tuan majistret telah menjadi 'functus officio' apabila beliau membenarkan bot 'KM SELAMAT' dilepaskan atas bon selepas satu perintah perlucuthakkan ke atas bot itu telah dibuat di bawah s 217(1) Akta Kastam 1967 (Akta 235).

[14] 'Functus officio', yang diterjemahkan dari perkataan Latin sebagai 'having performed his or her office', dan ditafsirkan sebagai 'without further authority or legal competence because the duties and functions of the original commission have been fully accomplished' (lihat *Black's Law Dictionary* (Edisi ke 7, 1999). Oleh itu, apabila mahkamah telah functus officio', ia telah sempurna melaksanakan tugasnya sementara menunggu keputusan mahkamah rayuan. Prinsip 'functus officio' adalah berlandaskan kepada rukun umum bahawa dua mahkamah tidak boleh pada kebiasaannya mempunyai bidang kuasa terhadap kes yang sama, pada masa yang sama. Sebagai suatu rukun umum juga, apabila satu pihak telah mengemukakan notis rayuan, rayuan tersebut melucut atau menyingkirkan bidang kuasa mahkamah bicara, dan hakim bicara telah menjadi 'functus officio'. ('As a general rule, once a party gives notice of appeal, such appeal divests the trial court of its jurisdiction, and the trial court judge becomes functus officio').

[15] Terdapat beberapa kes yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia berhubung dengan isu 'functus officio'. Bagi tujuan penghakiman ini, rujukan akan dibuat kepada kes *Tan Guek Tian & Anor v Tan Kim Kiat @ Chua Kim Kiat (Part 2)* [2007] 6 MLJ 260. Dalam kes tersebut, Hakim Abdul Malik Ishak (sebagaimana beliau ketika itu) telah membincangkan secara panjang lebar isu 'functus officio' dengan membuat rujukan kepada beberapa kes yang diputuskan oleh mahkamah Australia dan Amerika Syarikat.
Di ms 267 beliau berkata seperti yang berikut:

> I will now refer to the case of *Leung and Another v Minister for Immigration and Multicultural Affairs* (1997) 150 ALR 76, a decision of the Federal Court of Australia with a coram of Beaumont, Heerey and Finkelstein JJ. There, Finkelstein J, had this to say (see p 84 of the report):

> The origin of the principle of 'functus officio' as that expression is currently employed is to be found in the latter part of the last century in England when it was decided that a final decision of a court could not be reopened. The reason given was that the power to reopen a dispute had been transferred to the court of appeal: *Re St Nazaire Co* (1879) 12 Ch D 88. The rule applied only after the formal judgement of court had been passed and entered and was subject to two exceptions, viz where there had been a slip in drawing it up and where there had been an error in expressing the intention of the court: *Re Swire* (1885) 30 Ch D 239; *Preston Banking Co v William Allsup & Sons* [1895] 1 Ch 141; *Ainsworth v Wilding* [1896] 1 Ch 673.

[16] Dalam satu keputusan kes *Mahkamah Agung Kanada Chandler v Alberta Associations of Architects* [1989] 2 SCR 848, Hakim Sopinka berkata mengenai 'functus officio' seperti yang berikut:

> (1) 'Functus Officio'
>
> *Jowitt's Dictionary of English Law* (2nd Ed, 1977) defines functus officio as 'having discharged his duty'; an expression applied to a judge, magistrate or arbitrator who has given a decision or made an order or award so that his authority is exhausted. The holding of Morton J in *Re v GM Holdings Ltd* [1941] 3 All ER 417 (Ch D.), is well summarised in the headnote:
>
> > Where a judge has made an order for a stay of execution which has been passed and entered, he is functus officio, and he nor any other judge of equal jurisdiction has jurisdiction to vary the terms of such stay. The only means of obtaining any variation is to appeal to a higher tribunal.
>
> An editorial note added that:
>
> > This is a practice point. It is well-settled that the court can vary any order before it is passed and entered. After it has been passed and entered, the court is 'functus officio', and can make no variation itself. Any variation which may be made must be made by a court of appellate jurisdiction.
>
> *Black's Law Dictionary* (5th Ed, 1979) defines 'functus officio' as 'a task performed':
>
> > Having fulfilled the function, discharged the office, or accomplished the purpose, and therefore of no further force or authority. Applied to an officer whose term has expired and who has consequently no further official authority; and also to an instrument, power, agency, etc, which has fulfilled the purpose of its creation, and is therefore of no further virtue or effect.
>
> The doctrine of functus officio states that an adjudicator, be it an arbitrator, an administrative tribunal, or a court, once it has reached its decision cannot afterwards alter its award except to correct clerical mistakes or errors arising from an accidental slip or omission (*Re Nelsons Laundries Ltd And Laundry, Dry Cleaning and Dye House Workers' International Union,* Local No 292 (1964), 44 DIR (2d)

463 (BCSC)) 'To allow adjudicator to again deal with the matter of its own volition, without hearing the entire matter 'afresh' is contrary to this doctrine (the appellants' factum, at p19).

Seterusnya pada para 20 (SCJ) hakim berkata:

> As a general rule, once such a tribunal has reached a final decision in respect to the matter that is before it in accordance with its enabling statute, that decision cannot be revisited because the tribunal has changed its mind, made an error within jurisdiction or because there has been a change of circumstances. it can do so only if authorised by statute or if there has been a slip or error within the exception enunciated in *Paper Machinery Ltd v JO Ross Engineering Corp* [1934] SCR 186.

[17] Seksyen 278 Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan seperti yang berikut:

> 278 Judgment not to be altered
>
> No Court, other than a High Court, having once recorded its judgment, shall alter or review the same:
>
> provided that a clerical error may be rectified at any time and that any other mistake may be rectified at any time before the Court rises for the day.

Seksyen ini memperuntukkan rukun undang- undang umum bahawa apabila sesuatu mahkamah telah merekodkan penghakimannya, ia telah menjadi 'functus officio'. Satu penghakiman bertulis adalah sempurna dan lengkap apabila ia telah disampaikan dan satu penghakiman lisan telah sempurna dan lengkap apabila ia telah diumumkan (lihat kes-kes *Public Prosecutor v Heng You Nang* [1949] MLJ 285; *Ooi Sim Yim v Public Prosecutor* [1990] 1 MLJ 88 (SC) dan *Habee Bur Rahman v Public Prosecutor* [1971] 2 MLJ 194).

[18] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini, dengan hormat, mahkamah bersetuju dengan hujah timbalan pendakwa raya terpelajar bahawa apabila tuan majistret telah menerima pengakuan bersalah responden dan menjatuhkan denda sebanyak RM 10,000 serta memerintahkan ekshibit-ekshibit, termasuklah bot 'KM SELAMAT' di lucuthakkan di bawah s 127(1) Akta Kastam 1967, beliau telah membuat satu keputusan yang muktamad (final decision) yang menentukan 'substantial right' pihak-pihak yang terlibat. Keputusan tersebut tidak boleh lagi dipinda, diubah atau dibuka kerana bidang kuasa untuk berbuat demikian telah berpindah kepada mahkamah rayuan. Tambahan pula, responden telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan yang telah dibuat itu, termasuklah perintah melucuthakkan bot 'KM SELAMAT'.

[19] Apa yang dimaksudkan dengan keputusan muktamad ('final decision') telah dibincangkan dalam banyak kes, antara lain, *Cheak Yoke Thong v Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 311; [1984] 1 LNS 29; *Public Prosecutor v RK Menon & Anor* [1978] 2 MLJ 152; [1977] 1 LNS 101, *Indran & Anor v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 326; [1985] 1 LNS 52, *Saad bin Abas & Anor v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 129; [1998] 4 CLJ 575 dan *Md Alwin Mustafa & Ors v Public Prosecutor* [1999] 5 CLJ 417. Dalam kes *Maleb bin Su v Public Prosecutor; Cheak Yoke Thong v Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 311 pada ms 312, Hashim Yeop Sani HMP berkata:

> First, the question of the right to appeal. Under s 307(i) of the Criminal Procedure Code, any person dissatisfied with any judgment, sentence or order pronounced by the magistrate in a criminal case may appeal to the High Court against any judgment, sentence, or order. There is no argument, in my opinion, that the ejusdem generic rule applies to the word 'order' which is preceded by the words 'judgment' and 'sentence'. The order must therefore be a final order in the sense that it is final in effect as in the case of a judgment or a sentence. The test for determining the finality of an order is to see whether the judgment or order finally disposes of the rights of the parties should be distinguished from a purely procedural ruling. See also *Public Prosecutor v Hoo Chang Chwen* [1962] MLJ 284 and *Public Prosecutor v RK Menon & Anor* [1978] 1 MLJ 152. In the former case Rose CJ of Singapore dealt with an appeal on the admissibility of certain statements and the learned judge held that the ruling of the magistrate was procedural ruling and therefore not an appealable order. In the latter case Ajaib J also correctly took the view that a ruling on non-compliance with s 129(i)(b) of the Criminal Procedure Code was a procedural and non-appealable ruling.

[20] Adalah jelas dari fakta dan keadaan yang wujud dalam kes di hadapan mahkamah ini bahawa tuan majistret telah membuat satu keputusan muktamad ('final decision') apabila beliau telah menjatuhkan hukuman denda terhadap responden dan membuat perintah perlucuthakkan terhadap bot 'KM SELAMAT'. Keputusan itu telah menentukan 'substantial right' pihak-pihak yang terlibat. Majistret telah menjadi 'functus officio' kerana beliau telah memenuhi fungsi kehakiman berhubung dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadap responden dan beliau tidak lagi mempunyai apa-apa kuasa kehakiman untuk bertindak selanjutnya dalam perkara itu. Oleh itu, tindakan tuan majistret mendengar permohonan pelbagai dan melepaskan bot 'KM SELAMAT' dengan bon mahkamah langsung tidak mempunyai sebarang asas undang-undang.

[21] Encik KM Ong, peguam terpelajar responden berhujah bahawa tuan majistret boleh mendengar permohonan pelbagai untuk melepaskan bot 'KM SELAMAT' dengan bon mahkamah berdasarkan kepada otoriti kes *Public Prosecutor v Ling Sing Kwong & Anor* [1992] 1 MLJ 245. Dengan hormat, fakta kes tersebut boleh dibezakan dengan kes di hadapan mahkamah ini. Dalam kes tersebut, faktanya ialah orang kena tuduh pertama dan seorang

lagi telah didakwa bahawa semasa mereka berada di dalam kenderaan bernombor KJ 1409 ('kenderaan itu') mereka mempunyai milikan ke atas barang-barang yang cukai kastamnya belum dibayar, iaitu 83 karton rokok. Selepas orang kena tuduh mengaku bersalah, majistret telah melepaskan kenderaan itu kepada orang kena tuduh walaupun pihak pendakwa telah membantah. Pihak pendakwa merayu terhadap keputusan perintah itu atas alasan bahawa di bawah s 115 Akta Kastam 1967, kuasa untuk melepaskan kenderaan itu adalah satu budi bicara pentadbiran dan terletak dalam tangan eksekutif.: Mahkamah memutuskan bahawa s 115 Akta Kastam 1967 tidak menyingkirkan budi bicara mahkamah yang diberikan oleh s 407 Kanun Prosedur Jenayah. Di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah itu, mahkamah mempunyai budi bicara untuk melepaskan kenderaan itu. Adalah jelas bahawa dalam kes tersebut bahawa isu 'functus officio' tidak berbangkit kerana majistret belum lagi menjatuhkan hukuman dan membuat apa-apa perintah berhubung dengan pelepasan kenderaan tersebut apabila dia memerintahkan supaya kenderaan itu dilepaskan di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah. Isu yang berbangkit di dalam kes itu adalah amat berbeza dengan isu yang berada di hadapan mahkamah ini, iaitu sama ada s 115 Akta Kastam 1967 menyingkirkan budi bicara mahkamah yang diberikan di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah.

PERINTAH PELUCUTHAKKAN DI BAWAH SEKSYEN 127 AKTA KASTAM

[22] Seksyen 127(1) dan (2) Akta Kastam 1967 memperuntukkan seperti yang berikut:

> 127 (1) An order for the forfeiture or for the release of anything liable to forfeiture under this Act shall be made by the court before which the prosecution with regard thereto has been held, and an order for forfeiture of goods shall be made if it is proved to the satisfaction of the court that an offence against this Act or any regulation made thereunder has been committed and that the goods were the subject matter of or were used in the commission of the offence notwithstanding that no person may have been convicted of such offence.
>
> (1A) The amount secured under paragraph (a) or (b) of subsection (1) of section 115 or the amount realized by sale under paragraph (c) of the subsection (1) shall be forfeited by the court if it is proved to the satisfaction of the court that an offence against this Act or any regulation made thereunder has been committed and that the movable property in respect of which the amount was secured or realized by sale, as the case may be, was the subject matter of or was used in the commission of the offence notwithstanding that no person may have been convicted of such offence.

[23] Adalah jelas bahawa di bawah s 127(1) dan (2) Akta Kastam 1967, perintah perlucuthakkan adalah mandatori apabila dua syarat telah dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah; iaitu:

(a) suatu kesalahan terhadap Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan; dan

(b) barang-barang itu adalah hal perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan.

(Lihat kes-kes *Keng Soon Finance Bhd v Pegawai Kastam Johor Bahru* [1981] 2 MLJ 249 dan *Public Prosecutor v Lau Siew Ngueng & Anor* [1994] 2 MLJ 91).

[24] Memandangkan peruntukan s 127 Akta Kastam 1967 telah menentukan cara bagaimana sesuatu barang yang menjadi hal perkara pertuduhan bagi suatu kesalahan kastam boleh dilucuthakkan maka tuan majistret tidak mempunyai pilihan tetapi mestilah mengikut cara yang ditentukan tersebut. (Lihat kes *Public Prosecutor v Yew Yong Kong* [1953] MLJ 15; [1952] 1 LNS 91).

[25] Dalam hubungan ini, mahkamah berpendapat bahawa tuan majistret telah bertindak dengan betul apabila beliau telah membuat perintah perlucuthakkan, antara lain, terhadap bot 'KM SELAMAT' pada 1 Oktober 2007, di bawah s 127(1) Akta Kastam 1967 setelah responden mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya dan selepas berpuas hati bahawa bot tersebut telah digunakan dalam melakukan kesalahan berkenaan.

[26] Peruntukan s 407 Kanun Prosedur Jenayah tidak terpakai kerana pemakaiannya adalah tertakluk kepada mana-mana peruntukan khas berkaitan dengan perlucuthakkan. Proviso seksyen tersebut ialah seperti yang berikut:

> The power herein conferred upon the court shall include the power to make an order for the forfeiture or confiscation or for the destruction or for the delivery to any person of such property, but shall be exercised subject to any special provisions relating to forfeiture, confiscation, distruction or delivery contained in the written law under which the conviction was had.

[27] Pandangan ini diperkukuh dengan beberapa keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah-mahkamah, antara lain, *Public Prosecutor v Chu Beow Hin* [1982] 1 MLJ 135, ; *MP Machinery (M) Sdn Bhd v Public Prosecutor* [1996] 4 MLJ 213,; *Duning Jubin v Public Prosecutor* [1997] 5 CLJ 170). Dalam kes *Ooi Chin Seng v Public Prosecutor & Anor* [1979] 1 MLJ 267, mahkamah dalam kes tersebut berhadapan dengan satu kes di bawah Akta

Perikanan 1963. Di bawah s 15(1) Akta tersebut, perlucuthakkan adalah mandatori terhadap barang yang menjadi hal perkara pertuduhan atau digunakan di dalam melakukan kesalahan seperti yang dipertuduhkan. Perayu berhujah bahawa tuan majistret telah terkhilaf apabila beliau mengarahkan perlucuthakkan di bawah s 15(1) Akta Perikanan 1963 dan bukannya mengadakan inkuiri seperti yang diperuntukkan di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah. Hakim Hashim Yeop Sani (sebagaimana dia ketika itu) menegaskan:

> Section 407 of the Criminal Procedure Code is a general provision relating to the order for disposal of property regarding which an offence has been committed and provides that during or at the conclusion of any inquiry or trial in any criminal court the court may make such order as it thinks fit for the custody or disposal of any property or document whatsoever produced before it regarding which any offence appears to have been committed or which has been used for the commission of any offence. But the words of s 15(1) of the Fisheries Act 1963 are so clear that an order for forfeiture shall be made if it is proved to the satisfaction of the court that the offence committed is either for using any net, instrument, fishing material or appliance which is 'prohibited' or the offence is for doing or carrying on an act without a licence or permit required by that Act or any regulations or rules made thereunder provided that the 'thing' was the subject matter of or was used in the commission of the offence. There was no doubt also that the general provisions of s 407 of the Criminal Procedure Code are overridden by the specific provision of s 15(1) of the Fisheries Act 1963 with regard to disposal of property and that to have an inquiry under s 407 of the Criminal Procedure Code would in any case be meaningless for the court must give effect to the express words of s 15(1) of the Fisheries Act 1963.

Mallal's Criminal Procedure, Edisi Ke 6, dalam ulasan terhadap s 407 Prosedur Jenayah menyatakan di ms 6544:

> This section corresponds with s 452 of the Indian CPC 1973 and with s 386 of the Singapore CPC. This section appears to be dealing with the disposal of property in the event the accused has been discharged or acquitted. *The CPC seems to be silent as to the disposal of the exhibits in the event the matter is pending appeal.* This section deals with four classes of property or document, namely, property produced before the court; property in its custody; property regarding which any offence appears to be committed or property which has been used for the commission of an offence. The property concerned is dealt with in one of four different ways, ie, by destruction, confiscation, forfeiture or delivery to the person entitled to its possession.
>
> (Emphasis added.)

[28] Pada pandangan mahkamah, apa-apa permohonan mengenai pelepasan bot 'KM SELAMAT' sementara menunggu keputusan rayuan sewajarnya dibuat oleh responden kepada Mahkamah Tinggi kerana apabila notis rayuan telah dikemukakan terhadap keputusan muktamad yang dibuat

oleh tuan majistret, melainkan terdapat beberapa pengecualian yang dibenarkan, rayuan itu telah menyingkirkan bidang kuasa beliau sebagai mahkamah bicara untuk bertindak lebih lanjut berhubung dengan perkara tersebut.

KESIMPULAN

[29] Sebagai kesimpulan, mahkamah ini berpendapat bahawa tuan majistret telah terkhilaf dalam mendengar dan membenarkan permohonan pelbagai yang difailkan oleh responden untuk mendapat perintah pelepasan bot tersebut dengan bon mahkamah di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah selepas suatu perintah muktamad; iaitu perintah perlucuthakkan di bawah s 127(1) Akta Kastam 1967. Tuan majistret telah menjadi 'functus officio' dan tidak mempunyai bidang kuasa untuk berbuat sedemikian.

[30] Berdasarkan kepada alasan di atas, menurut s 316 Kanun Prosedur Jenayah, mahkamah dengan ini membenarkan permohonan semakan dan mengenepikan perintah tuan majistret pada 23 November 2007 yang membenarkan bot 'KM SELAMAT' dilepaskan dengan bon mahkamah di bawah s 407 Kanun Prosedur Jenayah. Perintah ini tidak akan dengan apa cara pun menjejaskan merit rayuan yang dibuat oleh responden kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan majistret yang dibuat pada 1 Oktober 2007.

Permohonan dibenarkan.

Reported by Sally Kee